


Semakan PLKN 2025: Panggilan Terpilih PLKN 3.0 Kemasukan Siri 3

⌚ 29 Jun 2025



Adakah
ANDA B
Y N
ANDA BERSEDIA
UNTUK MENYERTAI
PLKN 3.0

.....

Panduan Semakan Kemasukan Pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)

Semakan PLKN: Kemasukan Terpilih Sebagai Peserta. Check Atau Semak Sama Ada Terpilih Sebagai Pelatih PLKN 3.0 Serta Maklumat Syarat, Manfaat & Objektif.

Semakan PLKN 2025: Panggilan Terpilih PLKN 3.0 Kemasukan Siri 3. Check Terpilih Sebagai Pelatih PLKN 3.0 Terkini Dan Maklumat Syarat, Manfaat & Objektif.

Dalam era globalisasi semakin pesat berkembang hari ini, pembangunan modal insan berkualiti menjadi keutamaan bagi memastikan negara terus maju dan bersaing di peringkat antarabangsa. Salah satu inisiatif utama kerajaan Malaysia dalam usaha ini ialah Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), berobjektif membentuk individu berdisiplin dan patriotik serta melahirkan generasi muda yang penuh keyakinan, semangat perpaduan dan kesukarelawanan.

Program Latihan Khidmat Negara dikemas kini ke dalam konsep **PLKN 3.0** ini adalah satu usaha kerajaan dalam memperkasakan modal insan negara. Ia tidak terhad kepada latihan fizikal semata-mata tetapi satu platform pembinaan sahsiah dan pembangunan keupayaan individu secara menyeluruh. Melalui pendekatan inovatif dan bersepadu ini, diharapkan generasi muda Malaysia akan muncul sebagai individu yang berkeyakinan tinggi, bersatu padu, patriotik dan bersedia menghadapi cabaran masa depan.

Sebagai rakyat Malaysia, kita semua mempunyai tanggungjawab untuk menyokong dan memanfaatkan peluang yang disediakan oleh program ini. Dengan semangat perpaduan, kesukarelawanan dan patriotisme yang kukuh, kita yakin bahawa negara akan terus maju dan makmur, melahirkan generasi masa hadapan yang mampu membawa Malaysia ke puncak kecemerlangan. Mari kita sama-sama menyokong dan menyemarakkan semangat program ini demi masa depan bangsa dan negara kita yang tercinta.

JIWA KENTAL DEMI NUSA BANGSA

AINI MAWAWI
Foto: SHUAIB AYOB

PENGALAMAN berada dalam kem tentera selama 45 hari merupakan kenangan yang begitu bermakna dan tidak mungkin dapat dilupakan oleh tiga orang Wira Muda, Mugilan S., Anbalagan, 21; Wong Wei Pin, 20, dan Nur Aisyah Abdul Rahim, 20.

Mereka merupakan insan-insan terpilih daripada jutaan rakyat Malaysia yang berani menyahut seruan ibu perlu untuk menyentral Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 3.0 demi nusa dan bangsa.

Ternyata ketiga-tiganya berjaya kental untuk hadir secara sukarela demi menjadi insan yang berdisiplin serta berjiwa patriotik yang sememangnya perlu dipupuk dalam diri generasi anak muda pada masa kini.

Berkongsi kepada Wilayahku, Mugilan berkata PLKN 3.0 telah berjaya menyatakan jiwanya dengan rakan-rakan yang terdiri daripada pelbagai kaum, latar belakang dan agama.

"Kami seperti adik-beradik. Tidak kira siapapun, semuanya bersatu hati. Setiap apa yang kami lalui di sini penuh dengan pengajaran yang amat bermakna bagi saya. Di sini juga saya belajarerti bantu membantu antara satu sama lain.

"Misalnya di padang kawad, apakah paling utama adalah menjaga disiplin selain mental dan emosi. Jika salah seorang membuat silap, semuanya akan terkesan, jadi ketika perbarisan, kami akan tolong-menolong kerana kekuatan individu sahaja tidak akan berjaya jika tiada semangat kerjasama."

"Sejurusnya di sini saya belajar cara untuk menerima kelebihan orang lain serta cuba untuk melengkapinya, dalam arti kata lain, saya tidak akan sesekali menyombong diri kerana sedar setiap orang ada kekurangan dan kelebihan masing-masing," katanya.

Lebih sebulan mengikut program PLKN, Wira Muda yang berasal dari Kajang ini berkata 45 hari merupakan waktu yang singkat

dan terasa seperti berlalu terlalu cepat.

"Saya mengikuti program ini secara sukrela, sudah tentu saya enjoy dengan modul latihan yang digunakan. Bagi saya, latihan asas ketenteraan dan kenegaraan yang digunakan terbaik dan mampu mengubah diri anak muda apabila tamat latihan."

"Diharapkan untuk siri akan datang, mereka yang terpilih untuk mengikuti program ini menggunakan peluang untuk mencari sebanyak mungkin pengalaman yang tidak mungkin akan diperoleh di tempat lain," katanya yang mengakui gaya hidup sifat yang dilalui lebih sebulan membentunya mendapatkan berat badan ideal.

Bagi Wei Pin pula, minatnya dalam bidang ketenteraan dan cita-cita untuk menjadi komando membawaung untuk menyentral PLKN bagi merasai sondiri pengalaman tersebut.

"Apa yang membuatkan saya teruja adalah ketika Latihan Menembak Senjata Ringan, ia memberi peluang kepada saya untuk merasai perkara baharu iaitu cara menembak dengan tepat selain dari segi teknik dan pengurusan senjata."

"Di sini juga kami berpeluang menggilap potensi diri dalam kehidupan supaya tidak gentar untuk melalui masa depan yang penuh dengan cabaran. Itu yang paling utama bagi saya."

"Pendek dia h a n terhadap isu somosa diberi perhatian selain kami turut dibimbing untuk mengenal pilihan kerjaya yang tepat meliputi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) selain badan beruniform (TVET) selain badan beruniform serta sukarela," katanya yang berasal dari Kuala Selangor.

Wei Pin yang merupakan pelajar jurusan undang-undang



SESI Latihan Menembak Senjata Ringan merupakan salah satu modul dalam PLKN 3.0.



di sebuah kolej swasta berkata jika berkesempatan, sudah pastinya dia tidak akan menolak untuk menyentral PLKN sekali lagi pada masa akan datang.

"Banyak perkara yang saya pelajari di sini. Semangat patriotisme adalah hal utama yang perlu diterapkan kerana dalam kehidupan yang serba mencabar saat ini, kita perlu membentuk bangsa yang bersatu padu agar negara Malaysia terus aman dan makmur," jelasnya.

Berperwatakan lemah lembut seperti gadis lain namun di sebaliknya siap sangka Nur Aisyah menyimpan hasrat untuk menyertai Rejimen Askar Wataniah kerana minat yang ada dalam dirinya sejak kecil

untuk berkhidmat dalam badan beruniform.

"Apabila terlihat iklan PLKN 3.0 di media sosial, saya tidak fikir panjang dan terus memberitahu ibu. Alhamdulillah ibu merestu untuk berada di sini asalkan pandai membawa diri."

"Peluang yang terbentang di depan mata saya gunakan bagi mencari sebanyak mungkin pengalaman untuk diaplikasikan dalam kehidupan di masa akan datang. Bagi saya, amatlah rugi jika ia tidak dimanfaatkan sebaik-baiknya."

"Berada di sini membawa saya mengenali lebih ramai lagi rakan-rakan dan berkongsi minat yang sama. Apa yang pasti saya menjadi lebih berdisiplin serta menukan sifat malas yang ada dalam diri kepada rajin. Itu yang saya dapat rasakan perubahan paling ketara saat ini," katanya yang berasal dari

Terengganu.

Berkongsi lanjut Nur Aisyah berkata dia begitu teruja ketika melalui aktiviti merentas halangan dan masuk hutan kerana ia sukar diperoleh di luar lebih-lebih lagi bagi mereka yang tinggal serta dibesarkan di bandar.

"Saya gembira melakukan aktiviti tersebut kerana mengajar kita bagaimana cara untuk survive dalam hutan sekali gus ia memberi pengajaran agar kita tidak mudah putus asa apabila berdepan dengan situasi yang sukar."

"Paling tidak dapat dilupakan, keluar daripada hutan satu badan penuh lumpur. Kami ketawa melihat muka masing-masing. Saya sangat merindui rakan-rakan kerana kami sudah seperti keluarga biar pun hanya dalam tempoh yang singkat," katanya yang teruja menjadi kelompok alumni pertama Angkatan Khidmat Negara.



WEI PIN

Dasar Pelaksanaan Program Latihan Khidmat Negara

Berdasarkan Akta Latihan Khidmat Negara 2003 [Akta 628], serta Proklamasi (P.U. (A) 126/2025) dan Perintah Latihan Khidmat Negara (Orang Yang Dikehendaki Menjalani Latihan Khidmat Negara) 2025 (P.U. (A) 129/2025), setiap rakyat Malaysia yang memenuhi syarat tertentu diwajibkan menghadiri PLKN mengikut tempoh ditetapkan. Peraturan ini menegaskan betapa pentingnya latihan ini sebagai satu bentuk tanggungjawab sivik dan usaha kerajaan dalam memperkuuhkan perpaduan nasional.

Pada 27 Jun 2024, mesyuarat rasmi telah bersetuju untuk melaksanakan semula PLKN dengan konsep dan format baharu yang lebih baik dan sesuai dengan kehendak masa depan. Konsep PLKN 3.0 ini dibangunkan berdasarkan beberapa dokumen utama seperti Akta Latihan Khidmat Negara (Akta 628), Dasar Keselamatan Negara (DKN), Kertas Putih Pertahanan (KPP) serta dasar-dasar lain yang relevan.

PLKN 3.0: Transformasi Melalui Konsep Baharu



PLKN 3.0 dikenalkan sebagai versi terkini yang bertujuan untuk memperkuatkan lagi keberkesanan latihan dan pembangunan sahsiah peserta. Konsep ini menggabungkan dua komponen utama iaitu Komponen Utama Latihan Khidmat Negara dan Komponen

Keberhasilan Latihan Khidmat Negara yang melibatkan empat fasa utama. Pendekatan ini tidak hanya memberi penekanan kepada aspek disiplin dan patriotisme malah menekankan pembangunan kemahiran insaniah dan keupayaan kendiri yang relevan dalam menghadapi cabaran dunia moden.

Seiring dengan perkembangan semasa, konsep baharu ini berorientasikan pembangunan modal insan secara holistik dan transformatif. Ia dirancang untuk melahirkan individu yang mampu beradaptasi dengan perubahan, memiliki semangat kerjasama yang tinggi dan berupaya menyumbang secara aktif kepada masyarakat dan negara. Dengan pendekatan ini, kerajaan berharap agar program ini dapat memberi impak lebih besar dalam membina masyarakat bersatu padu dan berdaya saing.

Panduan Semakan Terpilih Pelatih PLKN 3.0: E-PLKN



JABATAN LATIHAN KHIDMAT NEGARA
Kementerian Pertahanan Malaysia
Blok B, Bangunan Zetro, Jalan 9/27C
Seksyen 5, Wangsa Maju
53300 Kuala Lumpur

Telefon : (60)3-40133631
Portal Rasmi : jlkn.mod.gov.my
E-mel : info.jlkn@mod.gov.my

UNTUK SIARAN SEGERA

Rujukan kami : JLKN.100-9/1/1 (60)

Tarikh : 16 Jun 2025

SIARAN MEDIA

SEMAKAN PENGAMBILAN PELATIH PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA (PLKN 3.0) SIRI 3 TAHUN 2025 DIBUKA BERMULA 17 JUN 2025

Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN), Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) ingin memaklumkan bahawa, **Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 3.0 bagi Siri 3 Tahun 2025** akan diadakan bermula pada **07 SEPTEMBER sehingga 21 OKTOBER 2025** melibatkan dua buah kompasar Wataniah (AW) iaitu Regiment 515 (AW), Kuala Lumpur dan Regiment 505 (AW), Pekan Pahang.
Sehubungan dengan itu, semakan kepada **bakal pelatih (siri 3/2025)** bagi daftar **Kelahiran Tahun 2007** boleh dilakukan bermula seperti ketetapan berikut:

TARIKH :
17 JUN 2025 (SELASA) | MASA: JAM 10.00 PAGI

Laman Sesawang / Pautan Sistem PLKN 3.0:
<https://plkn.mod.gov.my/pelatih/semaikan/form>

Bagi memastikan proses kelancaran pendaftaran dan pentadbiran pihak JLKN, para pelatih yang **terpilih (selepas semakan)** perlu memberi **MAKLUMBALAS KEHADIRAN** melalui sistem PLKN 3.0 sehingga **11 JULAI 2025**.
Sebarang maklumat lanjut berhubung perkara ini sila hubungi **Unit Pelatih, Sektor Latihan**, JLKN di talian 03-4013 (Sam: 3612 / 3613 / 3614 / 3604 / 3603 / 3626) atau layari laman sesawang <https://jlkn.mod.gov.my>

-TAMAT-

**"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA"**

Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN)
16 Jun 2025

Semakan kemasukan peserta atau pelatih Program Latihan Khidmat Negara boleh dilakukan dengan mudah melalui Sistem PLKN 3.0 (**Semakan E-PLKN 3.0**) yang rumusan panduan membuat semakan bagi mengetahui sama ada anda terpilih sebagai peserta untuk mengikuti Program Latihan Khidmat Negara **siri 3/2025** semakan bermula pada tarikh **17 Jun 2025**.

1. Sila layari laman web rasmi Kementerian Pertahanan Malaysia untuk mengakses sistem semakan E-PLKN 3.0 di pautan:
<https://plkn.mod.gov.my/pelatih/semasakan/form>
2. Kemudian, masukkan **No. Kad Pengenalan** dalam ruangan yang diperlukan.
3. Seterusnya, klik pada butang "**Semak**" dan paparan keputusan (tawaran) akan terpapar sama ada anda terpilih atau tidak terpilih.
4. Sebarang maklumat lanjut, sila layari halaman utama Portal Rasmi Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) di pautan: <https://jlkn.mod.gov.my> ataupun mengikuti laman rasmi sosial media Jabatan Latihan Khidmat Negara.
5. **Maklumat Tambahan:** [Senarai Barang Keperluan Dan Kelengkapan Yang Perlu Dibawa Oleh Pelatih.](#)

Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 3.0 Siri 3/2025 dijadualkan berlangsung selama 45 hari bermula 7 September hingga 21 Oktober 2025 di dua kem Rejimen Askar Wataniah, iaitu Kem Rejimen 515 di Kuala Lumpur dan Kem Rejimen 505 di Pekan, Pahang.

Akuti **SOSIAL MEDIA RASMI**

JABATAN LATIHAN KHIDMAT NEGARA



Follow, Like & Share Media Rasmi JLKN Sekarang!

Syarat Kelayakan: Siapa Layak Menyertai PLKN 3.0

Sesiapa sahaja yang memenuhi syarat tertentu layak untuk menyertai PLKN 3.0. Antara syarat utama termasuklah:

- Warganegara Malaysia atau pemastautin tetap, individu kelahiran tahun 2007 atau berumur antara 16 hingga 35 tahun, bergantung kepada kategori program seperti Pra PLKN, Latihan Asas atau Khidmat Negara.
- Keadaan fizikal dan mental yang sihat, mampu mengikuti aktiviti yang telah dirancang sepanjang program.
- Melalui proses pemilihan sistematik atau mendaftar secara sukarela, bagi memastikan peserta yang terpilih benar-benar berminat dan bersedia mengikuti latihan.
- Dipilih secara rawak melalui sistem PLKN 3.0.

Tingkat semangat patriotisme

DALAM usaha memastikan pembentukan jati diri sebagai seorang bakal pemimpin dan negarawan pada masa akan datang, maka semua faktor terkait pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) diberi perhatian khusus termasuk dari segi pakaian seragam.

Menurut Ketua Pengarah Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN), **Mejar Jeneral Datuk Ya'cob Samiran**, berbanding PLKN terdahulu yang menggunakan seragam biru, pelatih PLKN 3.0 akan mengenakan pakaian celoreng Tentera Darat Malaysia (TDM).

"Penggunaan pakaian tersebut mampu meningkatkan semangat patriotisme kerana jika kita lihat di negara-negara luar, program berbentuk seperti ini turut menggunakan seragam tentera selain ia menjimatkan kos.

"Ia juga dipersetujui pada peringkat nasional ketika mesyuarat dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum ini," katanya dan menambah pakaian tersebut akan dipulangkan semula oleh pelatih selepas tamat latihan.

Dalam perkembangan lain



YA'COB SAMIRAN

Timbalan Menteri Pertahanan, Adly Zahari berkata pakaian seragam TDM yang dikenakan pelatih PLKN 3.0 akan dipastikan mencukupi biarpun siri akan datang menyaksikan peningkatan kepada 500 orang.

"Kita akan pastikan pakaian mencukupi, bukan sahaja melibatkan baju semata-mata tetapi keperluan lain bagi Wira Muda akan dapat disempurnakan.

"Baju ini setelah siri 1 selesai, kita dapatkan semula dan akan pastikan ia dalam keadaan baik untuk digunakan Wira Muda seterusnya," jelas beliau menjawab dakwaan berkenaan kekurangan pakaian seragam dalam inventori Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Tahun ini, JLKN melaksanakan PLKN 3.0 SIRI 2/2025 pada 11 Mei hingga 24 Jun manakala siri 3/2025 pada 7 September hingga 21 Oktober. Kedua-dua siri tersebut akan dilaksanakan di Kem Rejimen 515 AW, Kuala Lumpur dan Kem Rejimen 505 AW, Pekan, Pahang.



PROGRAM PLKN menyatukan pelbagai bangsa.

Objektif Dan Matlamat PLKN 3.0

PLKN 3.0 tidak hanya berobjektif membentuk disiplin dan patriotisme tetapi juga berfungsi sebagai platform untuk memperkasakan kemahiran insaniah peserta. Antara objektif utama program ini adalah;

- Membentuk generasi muda berkeyakinan tinggi dan mempunyai semangat patriotisme yang kukuh.
- Menggalakkan semangat perpaduan dan kesukarelawanan dalam kalangan peserta dari latar belakang berbeza.

Melengkapkan peserta dengan kemahiran insaniah dan kemahiran praktikal yang relevan untuk masa depan.

Melahirkan individu yang mampu berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif.

Menanam nilai-nilai murni seperti hormat-menghormati, tolong-menolong dan bertanggungjawab terhadap masyarakat dan negara.

Manfaat Pelatih Dalam PLKN 3.0

Selain daripada membentuk disiplin dan patriotisme, penyertaan dalam PLKN 3.0 memberi pelbagai manfaat kepada peserta, antaranya;

Peningkatan keyakinan diri dan keberanian menghadapi cabaran.

Pengukuhan semangat perpaduan melalui interaksi dengan rakan sebaya dari latar belakang berbeza.

Pembangunan kemahiran kepimpinan dan kerjasama berpasukan.

Pemupukan nilai-nilai murni dan sikap bertanggungjawab terhadap masyarakat.

Peluang untuk menambah pengalaman dan kemahiran yang berguna dalam kerjaya masa depan.

